



06 APR, 2021

MAFI sasar 500 ladang kontrak

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

MAFI sasar 500 ladang kontrak

PUTRAJAYA — Jabatan Pertanian menyasarkan penglibatan 500 golongan belia khususnya kalangan graduan dalam projek ladang kontrak bersama lapan syarikat induk melibatkan urusan perniagaan bernilai RM60 juta setahun.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, usaha itu dijangka dapat memberi manfaat peluang pekerjaan kepada lebih 1,000 orang pada tahun ini.

Katanya, masalah berkaitan kekurangan tanah dan sumber tenaga kerja juga dapat diatasi secara tidak langsung melalui ladang kontrak yang dibangunkan dengan perkongsian teknologi tanaman terbaik.

Menurutnya lagi, program itu memberi kelebihan antaranya meningkatkan produktiviti ladang, jaminan bekalan dan produk berkualiti tinggi memandangkan ia memiliki Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP).

“Sebagai contoh, Jabatan Pertanian berjaya membantu 53 ladang kontrak tanaman tembakai di Kelantan yang telah menangani perjanjian dengan Syarikat Beho Supply Sdn. Bhd. dalam pengeluaran tembakai untuk pasaran tempatan dan luar negara.



RONALD (kanan) melihat antara produk pertanian yang dipamerkan pada Program Business Talk di Putrajaya semalam.

“Kontrak ladang berjaya menikmati kenaikan harga ladang daripada 40 sen kepada 80 sen dan mampu mencecah RM1.80 sekilogram mengikut gred dan lokasi pengambilan hasil bernilai RM3 juta semusim,” katanya selepas merasmikan Program Business Talk: Selangkah ke Industri Pertanian di sini semalam.

Ronald berkata, program kontrak ladang merupakan antara usaha Jabatan Pertanian bagi

membantu mereka yang terjejas ekoran pandemik Covid-19.

Beliau berkata, pada 2013, eksport buah-buahan negara adalah RM675 juta, manakala pada 2018 telah meningkat hampir dua kali ganda iaitu RM1.3 bilion.

“Perjanjian yang akan dimeterai melalui program ladang kontrak ladang mampu menjamin pasaran hasil segar atau produk makanan yang dikeluarkan sama ada bagi pasaran domestik maupun antarabangsa,” ujarnya.



06 APR, 2021

MAFI sasar 500 ladang kontrak

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

PUTRAJAYA - Jabatan Pertanian menyasarkan penglibatan 500 golongan belia khususnya kalangan graduan dalam projek ladang kontrak bersama lapan syarikat induk melibatkan urusan perniagaan bernilai RM60 juta setahun. Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, usaha itu dijangka dapat memberi manfaat peluang pekerjaan kepada lebih 1,000 orang pada tahun ini.